



## **LEMBAGA KEMAJUAN TANAH NEGERI SABAH**

### **POLISI MINYAK SAWIT MAMPAKAN MALAYSIA**

Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah (LKTNS) adalah bertanggungjawab untuk memajukan dan membantu dalam penyiasatan, perumusan dan pelaksanaan projek-projek bagi kemajuan dan penempatan tanah dalam Negeri Sabah. LKTNS dan kumpulan syarikatnya adalah komited untuk menghasilkan produk kelapa sawit dengan mengambil kira kepentingan ekonomi, alam sekitar dan sosial.

LKTNS juga akan berusaha untuk membuat penambahbaikan yang berterusan dengan memanfaatkan sumber manusia, proses dan teknologi bagi memastikan pengeluaran kelapa sawit secara mampan. Oleh itu, LKTNS adalah komited untuk mematuhi prinsip-prinsip MSPO berikut:

- i. Pelan penambahbaikan berterusan dengan mewujudkan sistem pengurusan untuk meningkatkan amalan selaras dengan piawaian, maklumat, teknik dan teknologi baharu yang akan dikaji dan dikemaskini secara berkala untuk kesesuaian dan keberkesanan keperluan bagi memastikan ia kekal relevan;
- ii. Mewujudkan dan menyampaikan keperluan pensijilan kepada pekerja, kontraktor, pelanggan dan pihak berkepentingan lain secara telus;
- iii. Mematuhi undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan oleh kerajaan tempatan dan antarabangsa;
- iv. Merancang, membangunkan, melaksanakan dan menyemak tanggungjawab sosial, kesihatan, keselamatan dan syarat pekerjaan mengikut garis panduan MSPO;
- v. Memastikan pelan pengurusan sumber persekitaran, sumber asli, biodiversiti dan perkhidmatan ekosistem dibangunkan dan dikendalikan untuk memastikan kemampunan alam sekitar;
- vi. Memastikan amalan pertanian baik dalam pengurusan perladangan, mewujudkan pelan perancangan jangka panjang, ketelusan dalam penetapan harga dan pengurusan kontrak;
- vii. Mematuhi undang-undang dan keperluan MSPO dalam pembangunan penanaman baharu dengan mengambil kira nilai biodiversiti yang tinggi, impak sosial, alam sekitar dan tanah adat.
- viii. Mengemaskini polisi ini secara berkala untuk memastikan ianya kekal berkaitan dan berkenaan.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Syaheddrul R Joddari".

**SYAHEDDRUL R JODDARI**  
**GENERAL MANAGER SLDB**